

# Selamat menempuh alam baru

UB 05/10/2011 B4



**BICARA KAMPUS**

Oleh **ZAITON MOHAMAD**  
zaitonmohamad@yahoo.com

**B**ERLALU sudah minggu suai mesra, maka berlalulah saat-saat yang penuh dengan stress. Maka tugas anda sebagai pelajar universiti baru bermula kerana sudah berakadkan lafaz ikrar untuk menjaga nama baik universiti, nama baik keluarga dan segala-galanya. Bak kata orang semangat tengah membara, motivasi tengah berkobar-kobar untuk berjuang mengejar segulung ijazah dan menimba sebanyak mungkin ilmu. Sudah tentu alang kepalang semangat muda untuk bergelar siswa siswi. Dalam meneliti liku-liku kehidupan di universiti bukan semudah yang disangkakan. Kita sedia maklum bahawa corak perbezaan proses pembelajaran adalah berbeza antara alam persekolahan dengan alam pembelajaran di kampus universiti. Di kampus pembelajaran di dalam kelas bermula seawal jam 8.00 pagi dan berakhir selewat jam 11.00 malam. Mungkin kuliahnya berturutan dan mungkin juga berselang seli ataupun tidak ada kelas langsung untuk hari-hari tertentu. Adalah tidak mustahil sekiranya pelajar-pelajar baru berasa pelik dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan sistem yang baru dialaminya. Apatah lagi peredaran malam dan siang terlalu cepat, bagi masyarakat Sabah dan Sarawak perkara tersebut sudah menjadi lumrah namun bagi pelajar-pelajar dari Semenanjung Malaysia berasa hairan dan sudah tentu mengalami masalah untuk mendapatkan tidur yang secukupnya. Justeru itu, buatlah adjustment dalam masa yang singkat supaya anda tidak ketinggalan dalam mengejar ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian berusaha sebaik mungkin untuk mendapatkan semangat dalam menuntut ilmu dan berusaha gigih dalam setiap aktiviti yang diceburi.

Selain daripada itu, sebagai seorang pelajar yang baharu sahaja bergelar siswa/i, anda haruslah belajar untuk menghormati senior-senior dan amalkanlah budaya 3S iaitu sikap senyum, salam dan sapa sekiranya berjumpa dengan mereka. Tambahan pula tidak ada salahnya untuk memulakan senyuman kepada sesiapa sahaja tanpa mengira umur, bangsa jantina dan agama. Ini disebabkan senyuman tidak pernah pula dibayar, sebaliknya ia menandakan sikap keramahan yang ada pada seseorang dan secara peribadinya penulis lebih suka berhubung dan berkomunikasi dengan orang yang suka memberikan senyuman. Dalam bercakap di talian pun walaupun tidak melihat wajah namun sekiranya bercakap dalam senyuman di bibir nescaya tutur perkataannya pun sopan dan sudah tentu akan berbudi bahasa. Lantaran itu biarlah senyuman sentiasa di bibir walaupun sebesar mana masalah yang dihadapi kerana dengan cara tersebut dapat meringan beban yang berada di fikiran. Bukan mudah untuk mengaplikasikan senyuman terutamanya para pelajar yang baru, sudah tentu teragak-agak untuk menguntumkan senyuman kepada orang yang tidak dikenali, silap-silap haribulan bukan

senyuman manis yang diberikan sebaliknya senyum sumbing ataupun senyum kambing. Walau bagaimanapun usah difikirkan sangat jenis senyuman mana yang patut diberikan, sebaliknya fikirkan senyuman yang ikhlas dan lahir dari hati yang suci untuk memulakan persaudaraan sesama manusia. Dengan cara tersebut nescaya akan lahirlah seorang siswa yang jujur untuk sebuah ikatan persahabatan.

Dalam pada masa yang sama para siswa baru memerlukan bantuan daripada senior-senior untuk mendapatkan maklumat mengenai gaya dan cara pembelajaran supaya lebih mudah. Tambahan pula hidup di kampus memerlukan rakan-rakan yang ramai untuk bersama-sama mencari bahan rujukan, nota-nota kuliah dan juga tugas yang diberikan. Sekiranya anda suka hidup bersendirian di kampus, sikap tersebut perlu dikikis kerana ia tidak menguntungkan anda, sebaliknya anda akan menjadi kera sumbang. Oleh yang demikian hidup di kampus memerlukan kepada sikap bekerjasama, jujur, dan sukakan kepada perkongsian maklumat. Namun ada juga segelintir siswa siswi yang lebih suka menyendiri dalam mencari maklumat, tidak suka bergaul dengan rakan-rakan sama ada sekuliah mahupun sekampus. Golongan sedemikian tidak akan mempunyai ramai kawan dan hidupnya juga tidak seceria rakan-rakan yang lain. Justeru itu hidup di kampus perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dengan menceburi pelbagai bidang ko-kurikulum, rekreasi dan khidmat masyarakat untuk memastikan hidup anda lebih gembira dan perasaan homesick juga dapat dihindari.

Oleh yang demikian anda akan berbangga sekiranya suatu hari nanti ada sanak saudara melihat hasil sumbangan anda di kampus. Justeru itu ubahlah gaya dan personaliti anda supaya mudah didampingi dan menjadi seorang yang sukakan cabaran walau di mana sahaja anda berada. Justeru itu, anda juga semakin dewasa dan matang dalam menghadapi setiap cabaran dan dugaan dalam proses mendapatkan segulung ijazah. Jangan dilupakan juga budi bahasa budaya kita sentiasa dipegang erat, walau setinggi mana pangkat yang diberikan, sebagai warganegara Malaysia berdaulat budi bahasa patut diamalkan. Jangan pula suatu hari nanti anak dan generasi kita bercakap dengan bahasa yang kasar dan tidak pandai memilih siapa rakan dan siapa musuh. Justeru itu, sekalung tahniah kepada anda sekalian sebagai siswa siswi yang baru memulakan pengajian di universiti di negeri di bawah bayu. Semoga bayu yang indah mencorakkan budi pekerti masyarakatnya dapat menceria dan menghibur hati anda di kala duka bertandang di hati mengingati kampung halaman tercinta. Selamat menempuh alam baru dan fasa yang tertinggi dalam diari akademik anda. Jadikan mimpi indah dahulu sebagai realiti hari ini bahawa anda sudah berada di alam universiti.

**\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, HEP, Universiti Malaysia Sabah**